

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8400**

**SOALAN:**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah berkesan mengatasi dua masalah besar dihadapi oleh para belia iaitu masalah pengangguran dan masalah sosial seperti merempit, melepak dan salah guna dadah.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian memandang serius masalah sosial terutamanya penyalahgunaan dadah di kalangan belia. Selain mengambil tindakan penguatkuasaan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui PDRM turut menjalankan tindakan pencegahan menerusi kempen kesedaran yang diadakan. PDRM mengadakan forum, ceramah, pameran serta sidang media untuk memberi kefahaman tentang ancaman dan bahayanya najis dadah.**

**Selain itu, Kementerian melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah dan sedang melaksanakan tiga (3) pendekatan iaitu Pendekatan Pencegahan, Pendekatan Rawatan Perubatan dan Pemulihan serta Pendekatan Pengesanan dan Pengawasan dalam usaha untuk membanteras penagihan dan penyalahgunaan dadah sehingga ke akar umbi seperti berikut:-**

### **l) Program Pencegahan:**

**Mengadakan program yang memberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat dengan memberi fokus kepada keluarga, institusi pendidikan, tempat kerja dan komuniti. Gelombang kesukarelaan juga digerakkan dalam masyarakat bagi memastikan seluruh**

**masyarakat sedar dan bertindak untuk membanteras penyalahgunaan dadah.**

**II) Pendekatan Rawatan, Perubatan dan Pemulihan:**

**Memperkenalkan dua (2) program iaitu Program Rawatan Dan Pemulihan Dalam Institusi melalui pemulihan dalam pusat pemulihan dadah di Klinik *Cure & Care* 1Malaysia dan *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) serta Program Rawatan Dan Pemulihan Dalam Komuniti melalui *Cure & Care Service Centre* (CCSC) dan *Caring Community House* (CCH).**

**III) Pendekatan Pengesanan dan Pengawasan:**

**Penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela di AADK akan ditangkap melalui operasi dan aduan awam. Selain daripada itu, pemantauan ke atas Orang Kena Pengawasan (OKP) yang menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti dilaksanakan selama dua (2) hingga tiga (3) tahun dan pengesanan ke atas OKP yang melanggar syarat pengawasan juga diadakan melalui prosedur siasatan dan pendakwaan.**

**Selain tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah, tindakan juga diambil bagi mengisi ruang masa para remaja di peringkat**

**sekolah dan di luar sekolah dengan perkara yang boleh menghindari perlakuan negatif seperti berikut:-**

**i) KOR KADET POLIS**

**Kegiatan ko-kurikulum di sekolah menengah dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) bertujuan melahirkan pelajar yang berdisiplin, aktif bertanggungjawab serta dapat membentuk ketahanan mental dan fizikal pelajar. Sehingga kini, sebanyak 1,864 buah sekolah telah menubuhkan kadet polis dengan keanggotaan seramai 3,409 orang guru kadet polis dan 115,343 orang pelatih kadet polis. Perancangan telah dijalankan untuk menubuhkan lebih banyak Kor Kadet Polis di sekolah-sekolah di seluruh negara di samping meningkatkan jumlah penyertaan guru-guru sekolah sebagai guru Kadet Polis.**

**ii) KOR SUKARELAWAN SISWA SISWI (KOR SUKSIS)**

**Kegiatan ko-kurikulum di Universiti Awam yang bertujuan membentuk keperibadian yang murni, berdisiplin serta bertanggungjawab di samping menerapkan nilai-nilai kepolisan di kalangan penuntut universiti. Sehingga kini, sebanyak 32 universiti awam di seluruh negara telah menubuhkan Kor SUKSIS dengan jumlah keanggotaan seramai 92 orang Pegawai Kehormat dan 4,357 orang**

pelatih Kadet terdiri dari ahli akademik dan penuntut di universiti.

Bermula tahun 2015, perancangan pengambilan jawatan Inspektor PDRM dari kalangan Inspektor Kor SUKISIS yang ditauliah yang memiliki kelulusan Ijazah dan ke atas telah dijalankan. Bagi pengambilan Siri 1/2015, seramai 576 Inspektor Kor SUKISIS telah terpilih untuk menjalani Latihan Asas Kadet Inspektor

**iii) Remaja wawasan (NBOS)**

Program ini merupakan inisiatif Kerajaan untuk membendung dan menangani masalah sosial di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Program ini melibatkan usaha sama di antara ATM, PDRM dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), di mana ATM sebagai peneraju program ini. Sebanyak 120 buah sekolah telah terlibat dalam program ini yang melibatkan 10 kontinjen pada tahun 2015. Pada tahun 2015, sebanyak 11 siri *summer camp* telah diadakan.

**iv) PEGAWAI PERHUBUNGAN SEKOLAH**

Perlantikan seseorang Pegawai Polis sebagai Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) adalah salah satu dari arahan pucuk pimpinan PDRM yang mensasarkan supaya adanya perhubungan dua hala yang lebih erat lagi antara polis

dengan Warga Sekolah yang merangkumi hal ehwal keselamatan, masalah disiplin murid dan juga sebarang aktiviti sekolah.

Ini adalah kerana selain berjumpa dengan tenaga pengajar untuk mengetahui tahap disiplin dan juga lain-lain masalah melibatkan murid dan sekolah, kehadiran sewaktu perhimpunan dapat mengenalkan diri secara lebih dekat "Bapa Angkat" sekolah mereka. Di samping itu juga, akan diselitkan sedikit penerangan kepada murid-murid berkaitan isu keselamatan semasa, disiplin ataupun lain-lain kejadian jenayah atau dadah yang melibatkan murid sekolah.

v) **1M4U**

**1M4U** merupakan satu inisiatif untuk menggalakkan lagi penyertaan para belia dalam aktiviti kemasyarakatan di Malaysia. Dengan adanya inisiatif ini diharap para belia dapat memanfaatkan peluang yang sedia ada untuk berbakti dan memberi sumbangan kepada Negara.

Tujuan utama **1M4U** adalah untuk mengembangkan semangat cintakan negara dan kesukarelawanan di kalangan belia di seluruh Malaysia. Jika selama ini pencapaian belia hanya dinilai dari segi akademik, kini dengan usaha berterusan Kerajaan, para belia boleh menceburi kesukarelawan untuk membantu orang ramai

**dalam memberikan sumbangan yang terbaik kepada masyarakat Malaysia.**

**Lebih menarik lagi, 20 personaliti belia telah dinamakan sebagai '1 MALAYSIA AMBASSADORS'. Individu-individu berketrampilan ini telah menyumbang secara signifikan kepada pembentukan negara. Kesemua mereka adalah bintang di dalam bidang-bidang yang mereka ceburi seperti sukan, perniagaan, muzik dan aktiviti kemasyarakatan serta merupakan inspirasi kepada belia di negara ini.**

**Dengan langkah yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mendekati golongan belia ini, adalah diyakini masalah sosial para remaja dapat ditangani dan dapat melahirkan modal insan yang kamil untuk mewarisi kepimpinan negara di masa depan.**